Tumbuhan karnivor hidup dikawasan tanah yang kekurangan sumber nitrogen. Serangga yang ditangkap dapat membekalkan nitrogen kepada tumbuhan kerana nitrogen penting untuk pertumbuhan.

*Carnivorous plants live in soil areas that lack nitrogen. Captured insects can supply nitrogen to plants because nitrogen is essential for growth.*

**BAB 19 PENGANGKUTAN DALAM TUMBUHAN**  
**CHAPTER 19 TRANSPORT IN PLANT**

**SK 19.1 TISU VASKULAR**  
**CS 19.1 VASCULAR TISSUES**

**SP 19.1.1** Mewajarkan keperluan pengangkutan dalam tumbuhan.  
**LS 19.1.1** *Justify the necessity of transport in plants.*

**SP 19.1.2** Menghubung kait penyesuaian struktur salur xilem dan trakeid dengan pengangkutan air dan garam mineral.

**LS 19.1.2** *Relate structural adaptations of xylem vessels and tracheid to transport water and mineral salts.*

1. (a) Apakah kepentingan pengangkutan dalam tumbuhan?  
*What is the importance of transport in plant?*

*Mengangkut air, garam mineral dan nutrien ke semua sel tumbuhan.*  
*Transport water, mineral salt and nutrien to all plant cells.*

- (b) Nyatakan tisu yang terlibat dalam pengangkutan air dan mineral tumbuhan.  
*State the tissue that involved in water and mineral transport in plant.*

*Tisu vascular/ Vascular tissue*

- (c) Nyatakan nama struktur-struktur yang membentuk tisu vaskular pada tumbuhan.  
*State the name of the structures that make up vascular tissue in plants.*

*Xilem dan floem/ Xylem and Phloem*


- (d) Apakah maksud tumbuhan vaskular?  
*What is meant by vascular plant?*

*Tumbuhan yang mempunyai sistem pengangkutan*  
*Plants which have transport system*

- (e) Apakah maksud tumbuhan bukan vaskular?  
*What is meant by non-vascular plant?*

*Tumbuhan yang tidak mempunyai sistem pengangkutan*  
*Plants which do not have transport system*

2. Rajah menunjukkan satu keratan batang tumbuhan eudicot.  
*Diagram shows a cross section of eudicot plant stem.*



- (a) Nyatakan nama tisu P dan tisu Q.  
*State the name of tissue P and tissue Q.*

Tisu P : *xilem/ xylem*  
*Tissue P*


Tisu Q : *floem/ phloem*  
*Tissue Q*

- (b) Nyatakan fungsi tisu P dan Q kepada tumbuhan.  
*State the functions of tissue P and Q in plant.*

Tisu P: *mengangkut air dan garam mineral dari akar ke batang dan daun.*  
*Tissue P: Transport water, mineral salt and nutrien to all plant cells.*

Tisu Q: *mengangkut sebatian organik dari daun ke seluruh bahagian tumbuhan*  
*Tissue Q Transport organic substances from leaf to all parts of plants.*

- 3 Rajah menunjukkan keratan rentas batang tumbuhan eudikot.  
 Diagram shows the cutting stem of eudicot plant.



- (a) Terangkan satu ciri penyesuaian tisu Z bagi membenarkan pengangkutan air berlaku dengan cekap.  
 Explain one adaptation of tissue Z to allow water transport to occur efficiently.


1. Merupakan sel-sel mati apabila matang tidak mempunyai sitoplasma/ Sel-sel tersusun memanjang dari hujung ke hujung membentuk turus berterusan.  
 Consists of dead cells at maturity which do not have cytoplasm/ Cells arranged from end to end form a continuous tube

2. Memudahkan pengangkutan air dari akar ke daun.  
 Allow water flow from the roots to the leaves.

3. Dinding salur xilem ditebalkan oleh lignin.  
 The wall of the xylem has lignin thickening.

4. Memberi kekuatan pada xilem/ xilem tidak mudah ranap.  
 Give strength to xylem vessel / to prevent from collapsing.

- 4 Kelaskan tumbuhan berikut mengikut kategori yang betul.  
 Classify the following plants into the correct category.




Tumbuhan vaskular Vascular plants	Tumbuhan bukan vaskular Non-vascular plants
Paku pakis / Fern Konifer / Conifers	Alga / Algae Lumut / Mosses

**SP 19.1.3 Menghubungkan kait penyesuaian struktur tiub tapis dan sel rakan dengan pengangkutan bahan organik.**

**LS 19.1.3 Relate the structural adaptations of sieve tubes and companion cells to the transportation of organic substances.**

5. (a) Rajah menunjukkan sejenis tisu yang terdapat pada tumbuhan.  
*Diagram shows a type of tissue found in plants.*



Apakah fungsi utama tisu ini kepada tumbuhan?  
*What is the main function of this tissue to the plants?*

Mengangkut sebatian organik dari daun ke seluruh bahagian tumbuhan.  
*Transport organic compounds from leaves to all parts of the plants.*


- (b) Bagaimanakah tiub tapis disesuaikan dengan fungsinya?  
*How does the sieve tube adapted to its function?*

Tiub tapis tidak mempunyai nukleus, ribosom dan vakuol.  
Membenarkan sukrosa melaluinya dengan lebih mudah.  
*Sieve tubes do not have nuclei, ribosomes and vacuols.  
Allows sucrose molecules to pass through sieve tube.*

- (c) Bagaimanakah sel rakan disesuaikan dengan fungsinya?  
*How does the companion cell adapted to its function?*

Sel rakan mempunyai mitokondria bagi membekalkan tenaga untuk pengangkutan sukrosa.  
*Companion cells contain mitochondria to provide energy energy to transport sucrose.*

6. Rajah menunjukkan satu keratan batang tumbuhan eudicot.  
*Diagram shows a cross section of eudicot plant stem.*



- (a) Nyatakan dua perbezaan antara struktur J dan struktur K.  
*State two differences between structure J and structure K.*

1. J (xilem) tidak mempunyai sitoplasma manakala K (floem) mempunyai sitoplasma.  
*J (xylem) do not have cytoplasm, K (phloem)*
2. Dinding J (xilem) ditebalkan oleh lignin manakala dinding K (floem) tidak ditebalkan oleh lignin.  
*The walls of the xylem have lignin thickening and not in phloem.*

- (b) (i) Nyatakan tisu-tisu yang terlibat dalam pengangkutan bahan organik.  
*State the tissues involved in transportation of organic substances.*

*Tiub tapis dan sel rakan*  
*Sieve tube and companion cells*

- (ii) Terangkan tisu dalam (b)(i) yang disesuaikan dengan fungsinya.  
*Explain the tissue mentioned in (b)(i) that is adapted to its function.*

*Tiub tapis tidak mempunyai nukleus, ribosom dan vakuol, membenarkan sukrosa melaluinya dengan lebih mudah.*

*Sel rakan mempunyai mitokondria bagi membekalkan tenaga untuk pengangkutan sukrosa.*

*Sieve tubes do not have nuclei, ribosomes and vacuols.*

*Allows sucrose molecules to pass through sieve tube.*

*Companion cells contain mitochondria to provide energy energy to transport sucrose.*

**SK 19.2 Pengangkutan Air dan Garam Mineral**  
**CS 19.2 Transport of Water and Mineral Salts**

**SP 19.2.1** Menghuraikan faktor yang terlibat dalam laluan air dan garam mineral dari tanah ke daun:


(i) tekanan akar (ii) tindakan kapilari (iii) tarikan transpirasi

**SP 19.2.1** Describe factors involved in the pathway of water and mineral salts from soil to shoots:

(i) root pressure (ii) capillary action (iii) transpirational pull

7. (a) Rajah menunjukkan laluan air dan garam mineral dari tanah ke daun dibantu oleh tarikan transpirasi, tindakan kapilari dan tekanan akar.


Diagram shows the passage of water and mineral salts from the soil to the leaves is helped by transpirational pull, capillary action and root pressure.



Huraikan proses-proses tersebut.  
 Describe the processes.

Proses Process	Penerangan Explanation
Akar (Tekanan akar) Root (Root pressure)	Menggerakkan air dari tanah ke dalam salur xilem akar secara osmosis. Moves water from the soil into the xylem vessels of the roots via osmosis.
Batang (Tindakan kapilari) Stem (Capillary action)	Daya lekitan dan daya lekatan molekul air menggerakkan air ke atas melawan tarikan graiti di dalam batang pokok. Adhesion force and cohesion force of water molecules, moves water upwards in the stem.
Daun (Tarikan transpirasi) Leaf (Transpirational pull)	Air yang tersejat melalui stoma menarik air keluar dari dalam daun. Water evaporate from the stoma pulls water from the leaves.

- (a) Rajah menunjukkan keratan rentas akar tumbuhan.  
Diagram shows the cross section of a plant root.




Nyatakan namabahagian X dan Y.  
State the name of the parts X and Y.

X: **Epidermis/ Epidermis**

Y: **Korteks/ Cortex**

- (b) Rajah menunjukkan proses pergerakan bahan X tanpa melibatkan penggunaan tenaga daripada tanah ke dalam P.  
Diagram shows the proses of movement of substance X without involving the use of energy from the soil into P.



- (i) Nyatakan proses pergerakan bahan X tersebut.  
State the process of the movement of X.

**Osmosis / Osmosis**

- (ii) Huraikan proses yang dinyatakan dalam (b)(i).  
Describe the process of the movement of substance X.


**Keupayaan air di dalam sel rambut lebih rendah berbanding keupayaan air di dalam tanah.**

**Low water potential in the root hair compared to the soil.**

**Air dari tanah meresap masuk ke dalam sel rambut akar.**

**Water diffuse from soil into the cell of root hair.**

9. Rajah menunjukkan pergerakan molekul air dalam xilem batang tumbuhan.  
Diagram shows the movement of water molecules in the xylem of plant stem.



- (a) Tindakan kapilari xilem dihasilkan oleh daya X dan Y. Apakah X dan Y?  
*Capillary action in xylem produced by X and Y forces. What are X and Y?*

X: daya lekatan/ *adhesion force*


Y: daya lekitan/ *cohesion force*

- (b) Terangkan bagaimana daya X dan Y membantu pergerakan air di dalam salur xilem batang tumbuhan.  
*Explain how X and Y forces help the movement of water in the xylem vessels of plant stems.*

*Explain how X and Y forces help the movement of water in the xylem vessels of plant stems.*

1. X (daya lekatan) wujud antara molekul air dengan dinding xilem manakala Y (daya lekitan) wujud antara molekul-molekul air.  
*X (adhesion force) is a type of force between water molecules and the wall of xylem. Y (cohesion force) is a type of force between water molecules.*
2. X dan Y menghasilkan daya tarikan yang menggerakkan air secara berterusan dalam salur xilem batang.  
*X and Y produce a pulling force which continuously moves water in the xylem vessel.*

- 10 Rajah menunjukkan keratan rentas daun eudicot.  
Diagram shows a cross section of an eudicot leaf.




- (a) Berdasarkan rajah, nyatakan proses T.  
*Based on diagram, state process T.*

*Transpirasi/ Traspiration*

- (b) Apakah kepentingan proses T kepada tumbuhan?  
*What is the importance of process T to plants?*

Menghasilkan daya transpirasi yang menarik molekul air dalam salur xilem daun untuk bergerak ke luar daun.  
*Produce a transpiration pull that pull water molecules in the xylem vessel of the leave to the outside of the leaves.*

- (c) Rajah menunjukkan pokok X dan Y berada pada dua lokasi yang berbeza.  
*Diagram shows plant X and Y at two different locations.*



Terangkan perbezaan kadar transpirasi antara pokok X dan Y.  
*Explain the differences between transpiration rate in plant X and Y.*

Kadar transpirasi pokok X lebih rendah berbanding pokok Y.  
Kerana keamatan cahaya lebih tinggi diterima oleh pokok Y berbanding X  
*Transpiration rate in plant X is lower than plant Y.*  
*Light intensity receive by plant Y is higher than plant X.*

**SP 19.2.2 Menerangkan gutasi dalam tumbuhan.**

**LS 19.2.2 Explain guttation in plants.**

**SP 19.2.3 Membanding dan membezakan antara gutasi dengan transpirasi dalam tumbuhan.**

**LS 19.2.3 Compare and contrast guttation and transpiration in plants**

- 11 (a) Apakah gutasi?  
*What is guttation?*

Gutasi ialah rembesan titisan air melalui struktur khas di bahagian hujung urat daun tanpa melibatkan bahagian stoma akibat tekanan akar yang tinggi.  
*Guttation is a secretion of water droplets through a special structure at the end of the leaf veins without involving the stomata caused by a high root pressure.*

- (b) Rajah 9 menunjukkan proses A dan proses B iaitu proses kehilangan air daripada tumbuhan.  
*Diagram 9 shows process A and process B which is the process of losing water from plant.*



Bandingkan antara proses A dengan proses B.  
*Compare process A and Process B.*

Persamaan:  
*Similarities:*

Kedua-dua proses ini berlaku di bahagian daun.  
*Both processes occur in the leaf.*

Perbezaan;  
*Differences:*

<b>Gutasi Guttation</b>	<b>Transpirasi Transpiration</b>
Berlaku pada waktu malam dan awal pagi <i>Happens at night and early morning</i>	Berlaku pada waktu siang yang panas dan berangin <i>Happens on hot and windy days</i>
Hanya berlaku dalam tumbuhan herba <i>Happens in herbaceous plant</i>	Berlaku dalam semua tumbuhan <i>Happens in all plants</i>
Air terbebas dalam bentuk titisan air <i>Water is released in the form of water droplets</i>	Air terbebas dalam bentuk wap air <i>Water is released as water vapour</i>

- (c) Terangkan kesan pada tumbuhan jika proses gutasi tidak berlaku.  
*Explain the effect on plant if the guttation process does not occur.*

1. Proses penyerapan air oleh sel rambut akar akan terganggu.  
*Water absorption by root hair cells is disrupted.*

2. Bahan kumuh tumbuhan tidak dapat disingkirkan.  
*Plant waste substances cannot be eliminated.*

3. Urat daun pecah dan tumbuhan terdedah kepada jangkitan patogen.  
*The leaf vein burst and exposed to pathogen.*

### SK 19.3 Translokasi

#### CS 19.3 Translocation

#### SP 19.3.1 Mendefinisikan translokasi.

##### LS 19.3.1 Define translocation

12. Apakah proses translokasi?  
*What is translocation?*

Translokasi ialah proses pengangkutan bahan-bahan organik di dalam floem dari daun ke bahagian lain tumbuhan.


*Translocation is a process of transporting organic substances in the phloem from the leaves to other parts of the plant.*

#### SP 19.3.2 Mewajarkan keperluan translokasi dalam tumbuhan.

##### LS 19.3.2 Justify the necessity of translocation in plants

13. Rajah menunjukkan keratan memanjang floem yang berfungsi untuk mengangkut makanan yang disintesis dalam tumbuhan.

*Diagram 10 shows the longitudinal section of the phloem which functions in transporting synthesized food in plants.*



- (a) Terangkan satu penyesuaian struktur P dalam pengangkutan makanan yang disintesis oleh tumbuhan.

*Explain one adaptation of structure P in transporting synthesised food in plants.*

Tiub tapis tidak mempunyai nukleus, ribosom dan vakuol.

Plat tapis yang terdapat dihujung tiub tapis membolehkan sebatian organik tiub tapis yang seterusnya.

*Sieve tubes do not have nuclei, ribosomes and vacuols.*

*Sieve plate at the end of sieve tube.*

- (b) Namakan proses pengangkutan makanan dalam tumbuhan.  
*Name the process of transporting food in plants.*

*Translokasi/ Translocation*

- (c) Terangkan kepentingan process yang dinyatakan di (b).  
*Explain the importance of process stated in (b).*

*Mengangkut hasil fotosintesis dari daun ke bahagian lain tumbuhan.*

*Transport organic substances from the leaves to parts of plants.*

*Mengangkut hasil fotosintesis yang berlebihan ke bahagian tumbuhan seperti rizom, umbisi dan bebawang.*

*Transport excess photosynthesis product to other parts of plants such as rhizomes, tubers and bulbs.*


- (d) Terangkan penyesuaian pada sel rakan dalam membantu proses yang dinyatakan dalam (b).  
*Explain the adaptation of the companion cell in helping the process stated in (b).*

*Sel rakan membekalkan tenaga kepada tiub tapis untuk membolehkan sukrosa diangkut secara pengangkutan aktif.*

*Companion cells provide energy to transport sucrose by active transport.*

**SP 19.3.3 Memerihalkan laluan translokasi dalam tumbuhan.**  
**LS 19.3.3 Describe pathways of translocation in plants.**


14. Rajah menunjukkan laluan translokasi dalam tumbuhan.  
 Diagram shows the pathway of translocation in plants.



Huraikan laluan sukrosa daripada sel daun ke bahagian lain tumbuhan.  
 Describe pathway of sucrose from leaf cells to other parts of plant.

- 1 Sukrosa diangkut secara aktif ke dalam tiub tapis.  
*Sucrose is actively transport to sieve tube*
- 2 Keupayaan air dalam tiub tapis berkurang.  
*Water potential in sieve tube is reduce*
- 3 Air dari xilem meresap masuk ke dalam tiub tapis secara osmosis.  
*Water from the xylem diffuse into sieve tube via osmosis*
- 4 Tekanan hidrostatik meningkat menyebabkan kandungan floem ditolak sepanjang tiub tapis sehingga ke organ tumbuhan yang lain.  
*Hydrostatic pressure in sieve tube increase causes the phloem sap to be pushed along the sieve tube to other organs of the plant.*
- 5 Sukrosa diangkut daripada tiub tapis ke bahagian batang, akar, pucuk, buah dan umbi secara pengangkutan aktif.  
*Sucrose is transported from the sieve tube to other parts such as stem, rpts, shoots, fruits and tubers by active transport*
- 6 Keupayaan air yang tinggi dalam floem menyebabkan air meresap semula ke dalam xilem secara osmosis.  
*The high water potential in phloem causes the water to diffuse into the xylem by osmosis*
- 7 Transpirasi menarik air di sepanjang salur xilem melawan arah tarikan graviti.  
*Transpiration pulls water along the xylem vessels against the direction of gravitational pull*

15. Rajah menunjukkan bahagian batang pokok yang dibuang kulitnya.  
*Diagram shows part of a stem of the tree where the bark has been removed.*



- (i) Pada rajah, lukis keadaan R dan S selepas satu bulan.  
*In diagram, draw the condition of R and S after one month.*
- (ii) Terangkan keadaan R dan S.  
*Explain the condition of R and S.*

**R:** membesar/ *swollen*

akibat pengumpulan sukrosa yang tidak dapat diangkut ke bahagian bawah gelang  
*due to accumulation of sucrose that cannot be transported to the bottom of the ring*

**S:** tisu mengecut/ *Tissue shrinks*

kerana tidak mendapat bekalan sukrosa, sel akan mati  
*because it does not get a supply of sucrose, the cell will die*

**SK 19.4 Fitoremediasi**  
**CS 19.4 Phytoremediation**

**SP 19.4.1 Mendefinisikan fitoremediasi.**  
**LS 19.4.1 Define phytoremediation.**

**SP 19.4.2 Menerangkan penggunaan fitoremediasi dalam kehidupan.**  
**LS 19.4.2 Explain the uses of phytoremediation in life.**

16. Rajah menunjukkan pokok keladi bunting (*Eichhornia crassipes*) yang digunakan untuk fitoremediasi.  
*Diagram shows Eichhornia crassipes used for phytoremediation.*



- (a) Apakah fitoremediasi?  
*What is phytoremediation?*

Fitoremediasi ialah satu kaedah rawatan yang menggunakan tumbuhan untuk tujuan degradasi, pengekstrakan atau penyingkiran bahan pencemar di dalam tanah dan air.

*Phytoremediation is one of the treatment methods which uses plants for the purpose of degradation, extraction or elimination of pollute substances from soil and water.*

- (b) Lengkapkan maklumat berkaitan dengan penggunaan fitoremediasi dalam kehidupan.  
*Complete the information related to the use of phytoremediation in life.*


<b>Tumbuhan</b> <i>Plant</i>	<b>Kegunaan</b> <i>Uses</i>
Pokok bunga matahari <i>Sunflower</i>	Hiperakumulator yang menyingkirkan logam berat dan bahan radioaktif. <i>Hyperaccumulator which eliminate heavy metal and radioactive substances.</i>
Pokok kiambang <i>Pistia stratoites</i>	Merawat air sisa di loji kumbahan. <i>Treat waste water</i>
Pokok kangkong <i>Spinach</i>	Menyerap merkuri dari dalam tanah/ menyerap logam berat kadmium daripada air <i>Absorb mercury from the soil/ absorb heavy metals such as cadmium from water.</i>

**SP 19.4.3 Mengeksperimen untuk mengkaji keberkesanan tumbuhan fitoremediasi dalam pengawalan: (i) pencemaran air. (ii) pencemaran tanah.**

**LS 19.4.3 Conduct experiments to study the effectiveness of phytoremediation plants in controlling: (i) water pollution. (ii) soil pollution.**

17. Rajah menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji keberkesanan tumbuhan fitoremediasi dalam mengawal pencemaran air.

*Diagram shows an experiment to study the effectiveness of phytoremediation plants in controlling water pollution.*



- (a) Nyatakan nama kaedah rawatan air dalam rajah.  
*State the name of the water treatment method in diagram.*

**Fitoremediasi/ Phytoremediation**

- (b) Huraikan bagaimana kaedah dalam rajah sesuai digunakan bagi meningkatkan kualiti hidup manusia.  
*Describe how the method in the diagram can be used to improve the quality of human life.*

**Keladi bunting digunakan untuk merawat air sisa di loji kumbahan.  
Water hyacinth used to treat waste water**

- (c) Cadangkan satu tumbuhan lain yang boleh menyerap ammonia dalam air.  
*Suggest one other plant that can absorb the ammonia in water.*

**Pokok kiambang/ Water lettuce**

- (d) Logam berat seperti merkuri mudah dipindahkan daripada satu organisma ke organisma lain melalui rantai makanan.  
Huraikan bagaimana logam berat dapat disingkirkan daripada terus mencemarkan suatu ekosistem.  
*Heavy metals such as mercury are easily transferred from one organism to another through the food chain.*  
*Describe how heavy metals can be removed rather than continue to pollute an ecosystem.*

**Akar pokok kangkung darat menyerap merkuri dari dalam tanah. Merkuri tidak akan berkumpul dalam tanah dan pencemaran tanah tidak berlaku.  
The roots of ground water spinach absorb mercury from the soil. Mercury will not accumulate in the soil and soil pollution does not occur.**

**BAB 20 GERAK BALAS DALAM TUMBUHAN**  
**CHAPTER 20 RESPONSE IN PLANTS**

**SK 20.1 JENIS GERAK BALAS**  
**CS 20.1 TYPE OF RESPONSE**

**SP 20.1.1 Memerihalkan jenis gerak balas tumbuhan**  
**LS 20.1.1 Describe types of plant responses**


1. (a) (i) Nyatakan kepentingan gerak balas kepada tumbuhan.  
*State the importance of response in plants.*

1. **Menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran**  
*To adapt to their surroundings*
2. **Memastikan kemandirian spesies**  
*To ensure the species survival*


- (ii) Nyatakan jenis gerak balas dalam tumbuhan.  
*State the types of response in plants.*

1. **Gerak balas tropisme**  
*Tropism responses*
2. **Gerak balas nasti**  
*Nastic responses*

2. (a) Rajah di bawah menunjukkan dua contoh bagi satu jenis gerak balas dalam tumbuhan.  
*Diagrams below show two examples for a type of response in plants.*



Rajah a  
*Diagram a*



Rajah b  
*Diagram b*

- (i) Namakan jenis gerak balas yang ditunjukkan di dalam rajah.  
*State the type of response shown in the diagrams.*

**Gerak balas tropisme / Tropism responses**

- (ii) Terangkan gerak balas yang dinyatakan di dalam 2(a)(i).  
*Describe the response that is stated in 2(a)(i).*

**Gerak balas bahagian-bahagian tertentu tumbuhan seperti akar dan pucuk, sama ada tumbuh mendekati atau menjauhi rangsangan**

*Responses of certain parts of a plant such as roots and shoots, that respond towards or away from a stimulus*

- (iii) Nyatakan ciri-ciri gerak balas yang dinyatakan dalam 2(a)(i).  
*State the characteristics of response that is stated in 2(a)(i).*

- 1. Gerak balas adalah kekal dan dipengaruhi oleh hormon tumbuhan**  
*The response is permanent and influenced by plant hormone*
- 2. Gerak balas ditunjukkan adalah perlahan dan tidak jelas**  
*The response is slow and not apparent*
- 3. Arah gerak balas pertumbuhan adalah bergantung kepada arah rangsangan**  
*The response direction is dependent on the direction of the stimulus*
- 4. Tropisme positif adalah pertumbuhan ke arah rangsangan**  
*Positive tropism refers to growth towards direction of stimulus*
- 5. Tropisme negatif adalah pertumbuhan menjauhi rangsangan**  
*Negative tropism refers to growth away from stimulus*

Buku teks muka surat 99  
*Textbook page 99*

- (iv) Terangkan contoh-contoh gerak balas yang dinyatakan dalam 2(a)(i).  
*Describe the examples of response stated in 2(a)(i).*

**Tigmotropisme merupakan gerak balas pertumbuhan terhadap sentuhan. Sulur paut menunjukkan tigmotropisme positif dengan berpaut pada kayu/pagar bagi mendapatkan sokongan.**

*Thigmotropism is the plant response to touch. Tendrils exhibit positive thigmotropism by coiling/wrapping around wooden stake/fence for support.*

**Geotropisme merupakan gerak balas pertumbuhan terhadap tarikan graviti. Pucuk menunjukkan geotropisme positif manakala akar menunjukkan geotropisme negatif.**

*Geotropism is the plant response to gravity. Shoots show negative tropism while roots show positive geotropism.*

**Hidrotropisme merupakan gerak balas pertumbuhan terhadap air. Akar menunjukkan hidrotropisme positif kerana tumbuh ke arah air.**

*Hydrotropism is the plant response to water. Roots show positive hydrotropism because they grow towards water.*

**Fototropisme merupakan gerak balas pertumbuhan terhadap cahaya. Pucuk menunjukkan fototropisme positif kerana tumbuh ke arah cahaya.**



*Phototropism is the plant response to light. Shoots show positive phototropism because they grow towards light.*

**Kemotropisme merupakan gerak balas terhadap bahan kimia. Akar menunjukkan kemotropisme positif apabila tumbuh ke arah garam mineral. Akar juga menunjukkan kemotropisme negatif apabila tumbuh menjauhi racun.**

*Chemotropism is the plant response to chemical. Roots show positive chemotropism when they grow towards mineral salts. Roots also show negative chemotropism when they grow away from poison.*

Buku teks muka surat 99 dan 100  
*Textbook page 99 and 100*

3. (a) Rajah di bawah menunjukkan dua contoh bagi satu jenis gerak balas dalam tumbuhan.  
*Diagrams below show two examples for a type of response in plants.*



- (i) Namakan jenis gerak balas yang ditunjukkan di dalam rajah.  
*State the type of response shown in the diagrams.*

**Gerak balas nasti / Nastic responses**

- (ii) Nyatakan ciri-ciri gerak balas yang dinyatakan dalam 3(a)(i).  
*State the characteristics of response that is stated in 3(a)(i).*

1. **Tidak semua gerakan nasti merupakan gerak balas pertumbuhan**  
*Not all nastic responses are growth responses*
2. **Gerak balas yang ditunjukkan adalah lebih cepat dan jelas daripada gerak balas tropisme**  
*This response is quicker and more apparent compared to tropism response*
3. **Terdapat gerak balas nasti bertujuan untuk menyelamatkan diri**  
*Some nastic responses are intended for survival*

Buku teks muka surat 101  
*Textbook page 101*

- (iii) Terangkan contoh-contoh gerak balas yang ditunjukkan dalam 3(a)(i).  
*Describe the examples of response stated in 3(a)(i).*

**Gerak balas fotonasti adalah gerak balas tumbuhan terhadap cahaya. Bunga ros jepun berkembang apabila menerima cahaya matahari yang maksimum manakala pada waktu malam bunga ros jepun menguncup.**

*Photonasty is a plant response towards light. Japanese roses open when they receive maximum sunlight but close at night.*

**Sesmonasti merupakan gerak balas pada daun, stigma dan stamen terhadap rangsangan mekanikal seperti kejutan, sentuhan, tiupan**

**angin dan titisan hujan. Daun pokok semalu menguncup apabila disentuh.**

*Seismonasty is a plant response that can be seen on leaves, stigma and stamens that occur due to a mechanical stimulus such as shock, touch, wind and raindrops. Mimosa leaves fold up when it is touched.*

**Niktinasti merupakan gerak balas ritma sikardian tumbuhan terhadap keadaan gelap. Daun pokok kekacang menguncup pada waktu malam dan kembali terbuka pada waktu siang.**

*Nytinasty is a circadian rhythm that responds towards the onset of darkness. The leaves of legume plants close its leaves at night and unfurls them during daytime.*

**Termonasti merupakan gerak balas tumbuhan terhadap perubahan suhu persekitaran. Bunga tulip kembang mekar disebabkan kenaikan suhu dan menguncup apabila suhu menurun.**

*Thermonasty is the plant response towards changes in the surrounding temperatures. Tulips open when there is an increase in temperature and close when the temperature drops.*

**Tigmonasti merupakan gerak balas tumbuhan terhadap getaran. Rangsangan yang diterima dari serangga oleh perangkap alat Venus menyebabkan daun tertutup dan memerangkap serangga tersebut.**

*Thigmonasty is the plant response towards vibration. The exerted stimulus by the insect causes Venus flytrap to clamp its leaves and trap the insect inside.*

Buku teks muka surat 101 dan 102  
*Textbook page 101 and 102*

4. Banding dan bezakan gerak balas tropisme dan gerak balas nasti dalam tumbuhan.  
*Compare and contrast tropism and nastic responses in plants.*

**Persamaan /Similarity**

**Kedua-dua gerak balas dipengaruhi oleh rangsangan luar**

*Both responses are influenced by external stimuli*

**Kedua-dua gerak balas penting untuk kemandirian organisma**

*Both responses are important for the survival of the organism*

**Perbezaan / Differences**

<b>Gerak balas tropisme</b> <i>Tropism response</i>	<b>Gerak balas nasti</b> <i>Nastic response</i>
Gerak balas adalah kekal <i>Permanent response</i>	Gerak balas adalah tidak kekal <i>Impermanent response</i>
Gerak balas adalah perlahan <i>Slow response</i>	Gerak balas adalah cepat <i>Quicker response</i>
Semua gerak balas untuk pertumbuhan <i>All responses are for growth</i>	Tidak semua gerak balas untuk pertumbuhan <i>Not all responses are for growth</i>
Gerak balas mempunyai arah <i>Responses have direction</i>	Gerak balas tidak berarah <i>Non-directional response</i>

**SK 20.2 FITOHORMON**  
**CS 20.2 PHYTOHORMONE**

**SP 20.2.1 Memerihalkan fitohormon**  
**LS 20.2.1 Describe phytohormone**

5. Terangkan apakah fitohormon.  
*Describe what is phytohormone.*

**Fitohormon merupakan bahan kimia yang merangsang dan menyelaraskan gerak balas dalam tumbuhan terhadap rangsangan pada kepekatan yang sangat rendah.**

*Phytohormones are chemical substances that stimulates and coordinate responses in plants, at low concentrations.*

**SP 20.2.2 Menyatakan fungsi fitohormon**  
**LS 20.2.2 State the functions of phytohormones**

6. (a) Nyatakan fungsi auksin.  
*State the functions of auxin.*
1. Berfungsi dalam fototropisme dan geotropisme  
*Functional in phototropism and geotropism*
  2. Menggalakkan perkembangan kedominan apeks pucuk dan akar  
*Stimulates the development of the apical dominance in shoots and roots*
  3. Merangsang pertumbuhan dan pemanjangan sel akar dan sel pucuk  
*Stimulates growth and elongation in root and shoot cells*
  4. Merangsang percambahan akar adventitius pada keratan batang  
*Stimulates development of adventitious roots at the end of stem cutting*
  5. Merangsang pembahagian sel di kambium semasa pertumbuhan sekunder  
*Stimulates cell division in cambium during secondary growth*
  6. Merencatkan keguguran daun dan buah yang masih muda  
*Inhibits abscission of fruits and young leaves*
  7. Merencatkan pertumbuhan tunas sisi  
*Inhibits growth of lateral buds*

Buku teks muka surat 103  
*Textbook page 103*

- (b) Maklumat di bawah menerangkan fungsi sejenis fitohormon.  
*Information below describes the functions of a phytohormone.*

<p>Merangsang pembahagian dan pemanjangan sel akar dan sel batang dengan kehadiran auksin <i>Stimulates division and elongation of root and stem cells when auxin is present</i></p> <p>Merangsang percambahan biji benih <i>Stimulates seed germination</i></p> <p>Merencatkan perkembangan kedominan apeks <i>Inhibits development of apical dominance</i></p> <p>Melambatkan proses penuaan daun <i>Delays leaf senescence</i></p> <p>Merangsang pertumbuhan tunas sisi <i>Stimulates growth of lateral buds</i></p>
---

Nyatakan nama bagi fitohormon tersebut.  
*State the name of the phytohormone.*

**Sitokinin / Cytokinin**

- (c) Giberelin berfungsi untuk merangsang perkembangan daun, bunga dan buah selain daripada menyebabkan pertumbuhan batang berbunga pada tumbuhan kerdil. Nyatakan fungsi lain hormon giberelin.  
*The function of gibberellin is to stimulate the development of leaves, flowers and fruits. State the other functions of gibberellin hormone.*

1. Menggalakan pembahagian dan pemanjangan sel batang  
*Stimulates growth and elongation in the stem cell*
2. Merangsang perkembangan dan percambahan biji benih  
*Stimulates development and germination of seeds*
3. Merencatkan perkembangan akar  
*Inhibits development of roots*

Buku teks muka surat 103  
*Textbook page 103*

- (d) Hormon X berfungsi dalam merangsang pematangan buah.  
*The function of hormone X is to stimulate the ripening in fruits.*

- (i) Nyatakan nama hormon X.  
*State the name of hormone X.*

**Etilena / Ethylene**

- (ii) Nyatakan **dua** lagi fungsi hormon X dalam tumbuhan.  
*State **two** other functions of hormone X in plants.*

1. Merangsang penuaan tumbuhan  
*Stimulates senescence process in plants*
2. Merangsang keguguran daun dan buah  
*Stimulates abscission of leaves and fruits*

Buku teks muka surat 103  
*Textbook page 103*

- (e) Hormon P berfungsi dalam menggalakkan kedormanan biji benih dan merencatkan pertumbuhan tumbuhan.  
*Hormone P is functioning in inducing seed dormancy.*

- (i) Nyatakan nama hormon P.  
*State the name of hormone P.*

**Asid absisik / Abscisic acid**


- (ii) Nyatakan fungsi lain bagi hormon P.  
*State the other functions of hormone P.*

1. Merangsang pengguguran buah, daun dan bunga yang matang  
*Stimulates abscission of mature fruits, leaves and flowers*
2. Menggalakan penutupan liang stoma pada masa kemarau  
*Induces stomatal closing during drought season*
3. Merencat pertumbuhan tunas dan percambahan biji benih  
*Inhibits growth of buds and seed germination*

Buku teks muka surat 103  
*Textbook page 103*

**SP 20.2.3 Membuat inferen tentang kesan auksin terhadap gerak balas pertumbuhan**  
**LS 20.2.3 Make inferences on effects of auxins on growth response**

7. (a) Rajah di bawah menunjukkan tiga eksperimen yang mengkaji kesan auksin terhadap pertumbuhan koleoptil di hujung pucuk.  
*Diagram below shows three experiments that study the effects of auxin on coleoptile growth at the tip of a shoot.*



- (i) Apakah inferens yang dapat dibuat berdasarkan eksperimen 1?  
*What inference can be deduced based on experiment 1?*

**Auksin disintesis di hujung koleoptil.**  
*Auxin is synthesized at the tip of the coleoptile.*  
**Auksin merangsang pemanjangan sel.**  
*Auxin stimulates cell elongation.*

- (ii) Apakah inferens yang dapat dibuat berdasarkan eksperimen 2?  
*Based on experiment 2, what inference can be deduced?*

**Auksin boleh meresap merentasi bahan berasaskan air.**  
*Auxin can diffuse across water-based materials*

- (iii) Apakah inferens yang dapat dibuat berdasarkan eksperimen 1 dan 3?  
*What inference can be deduced based on experiment 1 and 3?*


**Taburan auksin yang sekata menyebabkan koleoptil tumbuh tegak ke atas.**  
*Uniform distribution of auxin causes the coleoptile to grow upwards.*  
**Bahagian koleoptil yang menerima lebih banyak auksin memanjang lebih cepat dan menyebabkan koleoptil membengkok ke arah sisi yang kurang/tidak menerima auksin.**  
*The area which receives more auxin will grow faster and cause coleoptile to curve to the side that receives less/none of the auxin.*

(b) Gerak balas tropisme berkait rapat dengan taburan auksin.  
*Tropism is closely related to auxin distribution.*

(i) Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan **dua** rangsangan luar yang mempengaruhi taburan auksin dalam tumbuhan.  
*Based on the statement above, state **two** external stimuli that influence the auxin distribution in plants.*

1. **Cahaya / Light**
2. **Graviti / Gravity**

(ii) Graf di bawah menunjukkan kesan kepekatan auksin terhadap pemanjangan pucuk dan akar.  
*Graph below shows the effect of auxin concentration towards elongation of shoot and root.*




Berdasarkan graf, apakah yang boleh disimpulkan?  
*Based on the graph, what can be deduced?*

**Kepekatan auksin yang tinggi di pucuk merangsang pemanjangan sel-sel di pucuk tetapi kepekatan auksin yang tinggi di akar merencatkan pemanjangan sel-sel di akar.**

*High auxin concentrations in shoot stimulates cells elongation in the shoot but high auxin concentration in root inhibits cells elongation in the root.*

**SP 20.2.4 Menerangkan peranan auksin dalam gerak balas tumbuhan**  
**LS 20.2.4 Explain the roles of auxins in plant responses**

8. (a) Rajah di bawah menunjukkan satu eksperimen yang mengkaji kesan arah rangsangan cahaya terhadap arah gerak balas hujung pucuk.  
*Diagram below shows an experiment that study effect of the direction of the light stimulus toward the direction of response of shoot tip.*



Terangkan mengapa kedua-dua pucuk menunjukkan arah gerak balas yang berbeza.

*Explain why both shoot tips show different direction of response.*

**Apabila tumbuhan terdedah kepada cahaya dari semua arah, taburan auksin pada pucuk adalah sekata.**

**Ini menyebabkan pucuk tumbuh tegak ke atas.**

**Apabila pucuk didedahkan kepada cahaya dari satu arah sahaja, auksin akan meresap menjauhi cahaya.**

**Kepakatan auksin lebih tinggi dibahagian yang teduh.**

**Sel di bahagian yang teduh mengalami pemanjangan yang lebih berbanding sel pada bahagian yang terkena cahaya.**

**Ini menyebabkan pucuk membengkok ke arah cahaya.**

*When the shoots are exposed to the light from all directions, the distribution of auxins in the shoots is uniform.*

*This cause the shoots to grow upwards.*

*When the shoots are exposed to the light from only one direction, the auxin will diffuse away from the light.*


*The auxin concentration is higher on the shaded side.*

*The cells in the shaded side elongate more than the cells in the bright side.*

*This cause the shoots bend towards the light.*

- (b) Rajah di bawah menunjukkan peranan auksin di hujung koleoptil terhadap gerak balas pertumbuhan berdasarkan fototropisme.

*Diagram below shows the role of auxin in the coleoptile tips on plant response based on phototropism.*



- (i) Terangkan mengapa terdapat perbezaan arah pertumbuhan koleoptil 3 dan 4 selepas 3 hari.  
*Explain why the direction of growth for coleoptile 3 and 4 is different after 3 days.*

**Koleoptil 3 tidak dapat mengesan arah cahaya.**

**Taburan auksin di koleoptil adalah sekata.**

**Kadar pemanjangan sel-sel adalah sama.**

**Koleoptil 4 dapat mengesan arah cahaya.**

**Taburan auksin lebih tinggi di bahagian teduh.**

**Kadar pemanjangan sel-sel di bahagian teduh lebih cepat berbanding di bahagian terkena cahaya.**

*Coleoptile 3 cannot detect the direction of light.*

*The distribution of auxin in the coleoptile is even.*

*The rate of cell elongation is the same.*

*Coleoptile 4 can detect the direction of light.*

*Auxin distribution is higher in the shaded side.*

*The rate of elongation of cells in the shaded side is faster than in the part exposed to light.*

- (ii) Terangkan mengapa terdapat perbezaan arah pertumbuhan koleoptil 6 dan 7 selepas 3 hari.  
*Explain why the direction of growth for coleoptile 6 and 7 is different after 3 days.*


**Auksin boleh meresap merentasi blok agar berbanding mika.**

**Oleh kerana tiada auksin yang meresap ke zon pemanjangan di koleoptil 7, maka tiada pemanjangan sel berlaku.**

*Auxin can diffuse across agar block compared to mica.*

*Since no auxin permeates the elongation zone in coleoptile 7, no cell elongation occurs.*

9. Rajah di bawah menunjukkan peranan auksin diujung pucuk dan akar terhadap gerak balas pertumbuhan berdasarkan gerak balas geotropisme. Diagram below shows the role of auxin in shoot tip and root tip on plant growth response based on geotropism.



- (i) Terangkan gerak balas pertumbuhan yang berlaku dipucuk.  
*Explain the growth response at the shoot.*

**Graviti menyebabkan auksin berkumpul di bahagian bawah di pucuk. Kepekatan auksin yang tinggi di bahagian bawah hujung pucuk merangsang pemanjangan sel.**

**Ini menyebabkan sel-sel di bahagian bawah memanjang dengan lebih cepat dan menyebabkan pucuk membengkok ke atas.**

*Gravity causes auxin to accumulate at the bottom of the shoot.*

*High auxin concentrations at the bottom of the shoot tip stimulates cell elongation.*

*This cause cells at the bottom to grow faster and also allow the shoot to bend upwards.*

- (ii) Terangkan gerak balas pertumbuhan yang berlaku di akar.  
*Explain the growth response at the root.*

**Graviti menyebabkan auksin berkumpul di bahagian bawah di akar. Kepekatan auksin yang tinggi di bahagian bawah hujung akar merencat pemanjangan sel.**

**Ini menyebabkan sel-sel di bahagian bawah memanjang dengan lebih perlahan dan menyebabkan akar membengkok ke bawah.**

*Gravity causes auxin to accumulate at the bottom of the root.*

*High auxin concentrations at the bottom of the root tip inhibits cell elongation.*

*This cause cells at the bottom to grow slower and also allow the root to bend downwards.*

**SK 20.3 APLIKASI FITOHORMON DALAM PERTANIAN**  
**CS 20.2 APPLICATION OF PHYTOHORMONES IN AGRICULTURE**

**SP 20.3.1 Mewajarkan penggunaan fitohormon dalam pertanian.**  
**LS 20.3.1 Justify uses of phytohormones in agriculture**

10. (a) Kaji pernyataan di bawah.  
*Study the statement below.*

Penggunaan etilena dan sitokinin memberikan kesan positif kepada sektor pertanian kita.  
*The application of ethylene and cytokinin gives positive impacts to our agriculture sector.*

Terangkan pernyataan di atas.  
*Explain the above statement.*

**Etilena digunakan secara komersial untuk merangsang pematangan buah dengan cepat dan secara sekata. Ini membolehkan buah-buah yang dieksport masak secara serentak.**

*Ethylene is used commercially to promote maturation of fruit quickly and evenly. This allows the exported fruits to ripen simultaneously.*

**Etilena juga digunakan untuk merangsang pembungan serentak pada tumbuhan dalam ladang. Ini membolehkan ladang-ladang buah/bunga mengeluarkan hasil pada tempoh masa yang sama.**

*Ethylene is also used to promote simultaneous flowering in plants in the field. This allows fruit/flower farms to produce at the same time.*

**Sitokinin digunakan dalam teknik kultur tisu bagi merangsang pembahagian dan pembezaan sel. Ia juga digunakan bersama-sama auksin untuk merangsang pembentukan organ tumbuhan seperti akar dan batang dalam kultur tisu.**

*Cytokinins are used in tissue culture techniques to stimulate cell division and differentiation. It is also used together with auxin to stimulate the formation of plant organs such as roots and stems in tissue culture.*

- (b) Sebagai ahli fisiologi tumbuhan, bagaimanakah anda menasihatkan para petani untuk menghasilkan buah tembikai tanpa biji?  
*As a plant physiologist, how do you advise the farmers to produce seedless watermelon?*

**Sebelum bunga-bunga tembikai melalui proses persenyawaan, ianya hendaklah disemur dengan hormon auksin.**

**Ini menyebabkan ovari bunga tersebut berkembang menjadi buah tembikai tanpa melibatkan pembentukan biji.**

**Kaedah ini di namakan partenokarpi.**

*Before the watermelon flowers go through the fertilization process, they should be sprayed with auxin hormone.*

*This causes the ovary of the flower to develop into a watermelon without involving the formation of seeds.*

*This method is called parthenocarphy.*

**SP 20.3.2 Mengeksperimen untuk membandingkan kesan pemasakan buah dengan kehadiran fitohormon**

**LS 20.3.2 Conduct an experiment to compare the effects of presence of a phytohormone on fruit ripening**

Murid X meletakkan buah tomato muda bersama-sama dengan buah mangga yang ranum di dalam sebuah bekas tertutup pada suhu bilik. Ramalkan perubahan yang berlaku pada buah tomato. Terangkan jawapan anda.

*Pupil X places young tomatoes together with ripe mangoes in a closed container at room temperature. Predict the changes that occur to the tomatoes. Explain your answer.*

**Buah tomato tersebut akan masak.**

**Ini kerana buah mangga yang masak mengeluarkan gas etilena.**

**Bekas yang tertutup memerangkap gas etilena yang akan merangsang pemasakan buah-buah tomato tersebut.**

*The tomatoes will be ripe.*

*This is because ripe mangoes release ethylene gas.*

*The closed container traps ethylene gas which will stimulate the ripening of the tomatoes.*

*Through natural selection, species that possess **phenotypes** which enable them to adapt to their surrounding will continue to live and breed for the **survival** of the species.*

- (b) Rajah menunjukkan seekor kupu-kupu putih dan seekor kupu-kupu kelabu yang sama spesies pada batang pokok.  
*Diagram shows a white-coloured moth and grey-coloured moth of the same species on a tree trunk.*



Populasi kupu-kupu kelabu melebihi populasi kupu-kupu putih. Terangkan mengapa.  
*The population of grey-coloured moth is more than the white-coloured moth. Explain why.*

Rama-rama *Biston betularia* berwarna gelap hidup lebih baik / lebih bermandiri berbanding dengan warna cerah kerana tidak mudah dilihat pemangsa. Oleh itu, rama-rama *Biston betularia* berwarna gelap tidak pupus.  
*Biston betularia which is darker in colour survives better compared to the one in bright colours because it is not easily seen by prey. Therefore, dark colour Biston betularia does not extinct.*

- (c) Nyatakan tiga keperluan variasi.  
*State three necessity of variation.*

1. Membolehkan alam semula jadi memilih sifat-sifat baik untuk diteruskan dan menyingkirkan sifat yang tidak bersesuaian.  
*Enables natural environment to continue selecting beneficial characteristics and remove the non-suitable ones*
2. Menjamin kemandirian spesies apabila keadaan di persekitaran berubah  
*Ensures survival of the species when the environment changes*
3. Membenarkan pembiakan silang antara spesies untuk membentuk spesies baharu  
*Allows cross breeding among species to form new species*

**SP 27.1.3 Memerihalkan jenis variasi: (i) variasi selanjar. (ii) variasi tak selanjar.**  
**SP 27.1.3 Describe the types of variation: (i) continuous variation. (ii) discontinuous variation.**


3 (a) Terangkan variasi selanjar.  
*Explain continuous variation.*

- Variasi selanjar menunjukkan perbezaan ciri yang tidak ketara.
- Individu-individu menunjukkan perbezaan beransur daripada satu ekstrim kepada satu ekstrim yang lain.
- Apabila data bagi ciri diplotkan, graf taburan normal / lengkung berbentuk loceng diperoleh.
- Kebanyakan ahli dalam populasi ini mempunyai ciri-ciri perantaraan
- Variasi selanjar adalah kuantitatif, iaitu boleh diukur / digredkan
- Ciri-cirinya juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran.
- Contoh ciri-ciri yang menunjukkan variasi selanjar ialah ketinggian, berat badan dan warna kulit
- *In continuous variation, the characteristic is not distinct.*
- *Individuals show gradual differences in characteristic from one extreme to the other extreme.*
- *If data is plotted on a graph, a normal distribution / bell-shaped curve will be obtained.*
- *Most members of the population have intermediate phenotypes*
- *Continuous variation is quantitative, it can be measured / graded*
- *The characteristics are influenced by environmental factors.*
- *Examples of characteristics which show continuous variation are height, body weight and skin colour*

(b) Terangkan variasi tak selanjar.  
*Explain discontinuous variation.*

- Variasi tak selanjar menunjukkan perbezaan ciri yang ketara.
- Apabila data bagi ciri diplotkan, graf menunjukkan taburan diskrit / berbentuk bar berasingan.
- Tiada ciri-ciri perantaraan
- Ciri-ciri adalah kualitatif, iaitu tidak boleh diukur / digredkan
- Ciri-cirinya hanya dapat ditentukan oleh faktor genetik.
- Oleh itu, ciri-ciri variasi ini boleh diwarisi.
- Ciri dikawal oleh satu gen tunggal dengan dua atau tiga alel
- Oleh itu, ciri-ciri dapat dilihat dengan jelas.
- Contoh ciri-ciri yang menunjukkan variasi tak selanjar ialah kebolehan menggulungkan lidah, warna mata dan pola cap jari.
- *Discontinuous variation shows distinct differences in characteristic.*
- *If data is obtained and plotted on a graph, a discrete distribution / a bar chart with separate bars are obtained.*
- *There are no intermediate characteristics.*
- *The characteristic is qualitative, it cannot be measured / graded*
- *The characteristic can only be determined by genetic factor.*
- *Therefore it can be inherited.*
- *A characteristic is determined by a single gene with two or three alleles. Therefore, the characteristic is easily seen.*
- *Examples of discontinuous variations are the ability to roll tongue, eye colour and fingerprint pattern*

- (c) Lukis graf variasi selanjar dan variasi tak selanjar.  
*Draw a graph of continuous variation and discontinuous variation.*



**SP 27.1.4 Membanding dan membezakan antara variasi selanjar dengan variasi tak selanjar.**

***SP 27.1.4 Compare and contrast continuous and discontinuous variations.***

4. Banding dan bezakan antara variasi selanjar dengan variasi tak selanjar  
*Compare and contrast between continuous and discontinuous variation*

Persamaan :

*Similarities :*

*Menunjukkan perbezaan ciri dalam kalangan individu spesies yang sama  
 Shows differences in characteristics among individuals of the same species*

Perbezaan :

*Differences :*

<b>variasi selanjar <i>continuous variation</i></b>	<b>variasi tak selanjar <i>discontinuous variation</i></b>
<i>Perbezaan ciri yang tidak ketara No obvious differences in characteristics</i>	<i>Perbezaan ciri yang jelas dan ketara Obvious and distinct differences in characteristics</i>
<i>Terdapat ciri-ciri perantaraan Presence of intermediate characteristics</i>	<i>Tidak terdapat ciri-ciri perantaraan No intermediate characteristics</i>
<i>Graf berbentuk taburan normal Graph with normal distribution</i>	<i>Graf normal berbentuk diskrit Graph with discrete bars</i>
<i>Ciri dikawal oleh banyak gen Characteristic is controlled by many genes</i>	<i>Ciri dikawal oleh satu gen tunggal Characteristic is controlled by one single gen</i>
<i>Dipengaruhi oleh faktor persekitaran Influenced by environmental factors</i>	<i>Dipengaruhi oleh faktor genetik Influenced by genetic factor</i>
<i>Boleh diukur / kuantitatif Can be measured / quantitative</i>	<i>Tidak boleh diukur / kualitatif Cannot be measured (qualitative)</i>

SP 27.1.5 Menghubungkan kait punca variasi dengan jenis variasi:

(i) faktor genetik - pindah silang, penyusunan bebas kromosom, persenyawaan rawak, mutasi.


(ii) faktor persekitaran – suhu, cahaya, pH

SP 27.1.5 Relate causes of variation to types of variation:


(i) *genetic factors - crossing over, independent assortment of chromosomes, random fertilization, mutation*

(ii) *environmental factors – temperature, light, pH*

5. (a) Isi tempat kosong.  
Fill in the blank.




- (b) Terangkan secara ringkas bagaimana faktor genetik menyebabkan variasi.  
*Explain how genetic factor causes variation.*



- (c) Terangkan secara ringkas bagaimana faktor persekitaran menyebabkan variasi.

*Explain how environmental factor causes variation.*




**SP 27.1.6 Memerihalkan variasi yang berpunca daripada interaksi antara faktor genetik dengan faktor persekitaran.**

**SP 27.1.6 Describe variation caused by interactions between genetic and environmental factors.**

6. Rajah menunjukkan kembar seiras semasa zaman kanak-kanak dan pasangan kembar itu selepas 20 tahun.

*Diagram shows an identical twins and the twins after 20 years.*



Terangkan faktor yang menyebabkan perbezaan tersebut.  
*Explain factor that cause the differences.*

- pasangan kembar itu mempunyai genotip obesiti yang sama kerana berasal daripada embrio yang sama.  
*Both have similar genotype for obesity since they originated from the same embryo.*
- A gemar diet tinggi lemak dan tidak suka menjalankan aktiviti fizikal berbanding B.  
*A likes high fat diet and does not like physical activities compared to B.*
- A mengalami obesiti, manakala B memiliki berat badan yang ideal.  
*A is obese whereas B has an ideal body weight.*

**SK 27.2 VARIASI DALAM MANUSIA**  
**CS 27.2 VARIATION IN HUMANS**

**SP 27.2.1 Menghubungkan kait jenis variasi dengan pewarisan manusia.**  
**SP 27.2.1 Relate variation to human inheritance.**

7. Lengkapkan jadual berikut.  
*Complete the table.*

Ciri <i>Characteristics</i>	Trait dalam manusia <i>Traits in humans</i>	
	Dominan <i>Dominant</i>	Resesif <i>Recessive</i>
Ketinggian <i>Height</i>	Tinggi <i>Tall</i>	Rendah <i>Short</i>
Jenis rambut <i>Type of hair</i>	Rambut keriting <i>Curly hair</i>	Rambut lurus <i>Straight hair</i>
Kecenderungan penggunaan tangan <i>Tendency to use hands</i>	Tangan kanan <i>Right-handed</i>	Kidal <i>Right-handed</i>
Kehadiran lesung pipit <i>Presence of dimples</i>	Ada lesung pipit <i>Presence</i>	Tiada lesung pipit <i>Absence</i>
Kebolehan menggulung lidah <i>Ability to roll tongue</i>	Boleh menggulung lidah <i>Can roll tongue</i>	Tidak boleh menggulung lidah <i>Cannot roll tongue</i>
Lekapan cuping telinga <i>Type of earlobes</i>	Cuping telinga tidak melekap <i>Free earlobes</i>	Cuping telinga melekap <i>Attached earlobes</i>

**SP 27.2.2 Mengeksperimen untuk mengkaji variasi selanjar dan variasi tak selanjar dalam manusia dalam manusia.**  
**SP 27.2.2 Conduct an experiment to study continuous and discontinuous variation in humans.**

8. Jalankan Eksperimen 12.1 (muka surat 267)  
*Conduct Experiment 12.1 (page 267)*

**SK 27.3 MUTASI**  
**CS 27.3 MUTATION**


**SP 27.3.1 Menghuraikan maksud: (i) mutagen. (ii) mutasi. (iii) mutan.**  
**SP 27.3.1 Describe the terms: (i) mutagen. (ii) mutation. (iii) mutant.**

9. Isi tempat kosong  
*Fill in the blank*

1. Mutasi ialah perubahan secara **spontan** dan **rawak** pada **DNA** dalam sel organisma.  
*Mutation is a **spontaneous** and **random** change of **DNA** of the cell in an organism.*
2. Bahan yang dapat menyebabkan mutasi atau meninggikan kadar mutasi pada aras yang berbahaya ialah **mutagen**  
*A substance which causes mutation or increases the mutation rate to a dangerous level is called a **mutagen***
3. Proses mutasi berlaku secara **spontan** dalam keadaan semula jadi.  
*Mutation occurs **spontaneously** in natural conditions.*
4. Bahan genetik baharu yang dihasilkan oleh mutasi disebut **mutan**  
*New genetic material produced by mutation is called a **mutan***
5. Mutan boleh wujud sebagai **gen** mutan, **sel** mutan, **organel** mutan atau **individu** mutan.  
*A mutant can exist as mutant **gene**, mutant **cell**, mutant **organelle** or mutant **individual***  
Mutasi yang berlaku dalam sel soma, sebagai contohnya, sel dalam sumsum tulang boleh menyebabkan **darah / blood cancer** berlaku.  
*Mutation that occurs in somatic cells, for example, cells in bone marrow can cause **blood cancer***

SP 27.3.2 Memerihalkan jenis mutagen: (i) agen fizikal. (ii) agen kimia. (iii) agen biologi.  
SP 27.3.2 Describe the types of mutagen: (i) physical agents. (ii) chemical agents. (iii) biological agents.


10.



SP 27.3.3 Menghuraikan jenis mutasi dengan contoh: (i) mutasi gen. (ii) mutasi kromosom.

SP 27.3.3 Describe with examples types of mutations: (i) gene mutation. (ii) chromosomal mutation.


11. (a) Jawapan / Answer :



(b) **Mutasi gen**  
**Gene mutation**

Menggunakan rajah berikut, kelaskan mutasi gen berdasarkan perubahan pada bes bernitrogen. Namakan satu contoh penyakit bagi setiap jenis mutasi gen.

*Using the following diagram, classify gene mutations based on changes in nitrogenous base. Name one example of disease for each type of gene mutation.*



(c) Terangkan punca dan simptom penyakit-penyakit berikut :  
*Explain the cause and symptom of following diseases :*

(i) Anemia sel sabit  
*Sickle Cell Anaemia*

(ii) Albinisme  
*Albinism*

(iii) Hemofilia  
*Haemophilia*

(i) Anemia sel sabit

*Sickle Cell Anaemia*

Penyakit anemia sel sabit disebabkan oleh mutasi pada gen yang bertanggungjawab ke atas sintesis hemoglobin. Hemoglobin yang terdapat di dalam sel darah merah pesakit ini mempunyai bentuk sabit. Hal ini disebabkan oleh pembentukan sel darah merah yang tidak sempurna. Sebahagian daripada sel darah merah pesakit ini adalah normal, manakala sebahagian lagi berbentuk sabit.

*Sickle cell anaemia is caused by a gene responsible for the synthesis of haemoglobin. The red blood cells of a patient are in the shape of a crescent. This is because the red blood cells are not properly formed. Some red blood cells are normal whereas the rest are crescent shape.*

(ii) Albinisme

*Albinism*

Individu yang mengalami albinisme dikenali sebagai albino. Albinisme berlaku akibat gen yang bertanggungjawab untuk menghasilkan pigmen kulit, rambut dan mata telah mengalami mutasi. Oleh yang demikian, pigmen ini tidak dihasilkan dalam albino.

*An individual who experiences albinism is an albino. Albinism is due to the mutation of a gene which is responsible for producing pigments of skin, hair and eyes. Hence, the pigments are not produced in the albino*

(iii) Hemofilia

*Haemophilia*


Hemofilia merupakan keadaan darah tidak dapat membeku secara normal disebabkan kekurangan faktor pembekuan darah. Hal ini mengakibatkan pendarahan berlebihan secara dalaman atau luaran dan dapat menyebabkan kematian. Hemofilia disebabkan kehadiran alel resesif pada kromosom X dan faktor ini menyebabkan lelaki menjadi penghidap hemofilia.

*Haemophilia is a condition in which blood cannot clot in normal circumstances due to the lack of blood clotting factor. This can result in excessive internal or external bleeding which may be fatal. Haemophilia is due to the presence of the recessive allele in the X chromosome, which causes the male to be haemophilic.*


12 (a) **Mutasi kromosom**  
**Chromosomal mutation**

Menggunakan rajah berikut, kelaskan mutasi kromosom berdasarkan perubahan yang berlaku.

*Using the following diagram, classify gene mutations based on changes occur.*



- (b) Tak disjungsi pada kromosom semasa meiosis  
*Nondisjunctions in chromosomes during meiosis*



- Dalam perubahan bilangan kromosom, organisma diploid **kehilangan** satu atau lebih kromosom, atau **memperoleh** satu atau lebih kromosom tambahan.  
*A change in chromosomal number causes a diploid organism to **lose** one or more chromosomes, or **gain** one or more chromosomes.*
- Keadaan ini berlaku apabila kromosom homolog gagal terpisah semasa **anafasa I** meiosis atau kromatid kembar gagal terpisah semasa **anafasa II** meiosis.  
*The change occurs when homologous chromosomes fail to separate during **anaphase I** in meiosis or sister-chromatids fail to separate during **anaphase II** in meiosis.*
- Hal ini mungkin disebabkan **gentian gelendong** yang normal gagal terbentuk semasa meiosis.  
*This is probably because the normal **spindle fibres** fail to form during meiosis.*
- Fenomena ini dikenali sebagai **tak disjungsi** dan ini mengakibatkan bilangan kromosom yang **tidak normal**  
*The phenomenon is known as **nondisjunction** and it causes **abnormality** in the number of chromosomes and in a gamete.*
- Gamet mungkin **kehilangan** satu atau lebih kromosom atau **memperoleh** satu atau lebih kromosom  
*The gamete may **lose** one or more chromosomes or **gain** one or more chromosomes.*

(c) Penyakit yang dialami akibat mutasi bilangan kromosom  
*Diseases caused by mutation of chromosomal number*

<b>Penyakit Diseases</b>	<b>Bilangan kromosom Chromosome number</b>	<b>Ciri-ciri penyakit Characteristics of diseases</b>
Sindrom Down Down Syndrome	$(2n + 1) = 47$ Mempunyai tiga kromosom nombor 21 <i>Has three number 21 chromosomes</i>	mata sepet, hidung penyek, lidah terjelir, dahi yang lebar dan kebiasaannya terencat akal <i>slant eyes, flat nose, protruding tongue, broad forehead and is usually mentally retarded</i>
Sindrom Cri du chat <i>Cri du chat syndrome</i>	Pelenyapan hampir keseluruhan kromosom nombor 5 pada lengan pendek kromosom berkenaan. <i>Partial deletion on the short arm of chromosome number 5.</i>	Pesakit menangis seperti kucing mengiau semasa bayi, pertumbuhan yang lambat serta mengalami kecacatan mental dan fizikal. Kebanyakan pesakit mati semasa kanak-kanak. <i>The cry of affected infants is similar to that of a meowing kitten, delayed development with mental and physical retardation. Most patients die during childhood.</i>
Sindrom Klinefelter <i>Klinefelter Syndrome</i>	$(2n + 1) = 47$ $44 + XXY$	Lelaki yang mandul dengan testis kecil yang gagal menghasilkan sperma. Mempunyai suara dan buah dada seperti wanita. Mempunyai kaki dan tangan yang panjang. <i>A sterile man with small testes that fail to produce sperms. Possesses voice and chest similar to those of a woman. Has long legs and hands.</i>
Sindrom Jacob <i>Jacob Syndrome</i>	$(2n + 1) = 47$ $44 + XYY$	Lelaki yang mempunyai ketinggian lebih daripada lelaki normal. Mempunyai masalah jerawat teruk di muka. Lambat bertutur dan mempunyai masalah pembelajaran. Mempunyai masalah otot yang lemah (hypotonia). <i>Male who is taller than normal and has problem with pimples on his face. Slow in acquiring speech and has learning disability. Possesses weak muscles (hypotonia).</i>
Sindrom Turner <i>Turner Syndrome</i>	$(2n - 1) = 45$ $44 + XO$	Perempuan yang mandul dan kekurangan ciri-ciri seks sekunder perempuan. Buah dada dan ovarinya tidak berkembang. Mempunyai kulit berlipat pada kawasan leher, lehernya bertaut atau mempunyai IQ yang rendah. <i>Sterile female with lack of secondary female characteristics, undeveloped breasts and ovaries. Weblike neck and low IQ.</i>

**SP 27.3.4 Menghubungkan kait mutasi sel soma dan sel gamet dengan variasi.**  
**SP 27.3.4 Relate mutations of somatic cells and gametes to variation.**

13. (a) Perbezaan antara mutasi sel soma dengan sel gamet  
*Differences between mutations of somatic cells and gametes*

<b>Mutasi sel soma</b> <i>Mutation in somatic cells</i>	<b>Mutasi sel gamet</b> <i>Mutation in gametes</i>
Melibatkan sel-sel badan seperti sel kulit dan sel mata <i>Involves somatic cells such as skin cell and eye cell</i>	Melibatkan sel germa yang menghasilkan sel gamet (oosit sekunder atau sperma) <i>Involves germ cell that produces gamete (secondary oocyte or sperm)</i>
Tidak boleh diwariskan kepada keturunannya <i>Cannot be inherited by the next generation</i>	Boleh diwariskan daripada induk kepada anak <i>Can be inherited by the next generation</i>
Penyakit hanya akan dialami oleh individu yang mengalami mutase <i>Disease is present only in the individual with the mutation</i>	Penyakit akan dialami oleh individu yang mengalami mutasi dan akan diwarisi oleh keturunan <i>Disease is present in the individual with the mutation and is also inherited by his/her descendants</i>
Sebagai contoh: Penyakit yang berkaitan dengan sistem saraf <i>Example: Disease related to nervous system</i>	Sebagai contoh: Semua penyakit yang boleh diwarisi seperti talasemia <i>Example: All inherited diseases such as thalassemia</i>

**BAB 28 TEKNOLOGI GENETIK**  
**CHAPTER 28 GENETIC TECHNOLOGY**

**SK 28.1 KEJURUTERAAN GENETIK**  
**CS 28.1 GENETIC ENGINEERING**

**SP 28.1.1 Menghuraikan maksud kejuruteraan genetik dan organisma terubah suai genetik**

**SP 28.1.1 Describe the terms of genetic engineering and genetically modified organisms**

1. (a) Kejuruteraan genetik telah digunakan dalam penghasilan insulin untuk kegunaan pesakit-pesakit diabetes melitus.  
*Genetic engineering has been used in the production of insulin for the use of diabetes mellitus patients.*

Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan kejuruteraan genetik.  
*Explain what is meant by genetic engineering.*

**Kejuruteraan genetik merupakan satu teknik manipulasi gen untuk mengubah suai genetik sesuatu organisma bagi membentuk kombinasi gen yang baharu.**

**Ita melibatkan pemindahan segmen DNA dari satu organisma ke dalam organisma yang lain melalui teknologi DNA rekombinan.**

*Genetic engineering is a gene manipulation technique to modify and organism's genetic material to produce new combination of genes.*

*It involves the transfer of a DNA segment from one organism to another by DNA recombinant technology.*

- (b) 'Super salmon' merupakan satu contoh organisma terubah suai genetik (GMO). Apakah yang dimaksudkan dengan organisma terubah suai genetik?  
*Super salmon is an example of genetically modified organism. What is meant by genetically modified organism?*

**Organisma yang mengandungi DNA rekombinan.**

*Organisms that contain recombinant DNA.*

**SP 28.1.2 Menerangkan aplikasi kejuruteraan genetik**

**SP 28.1.2 Explain the application of genetic engineering**

2. (a) Terangkan bagaimana kejuruteraan genetik membantu dalam merawat pesakit hemofilia.  
*Explain how genetic engineering helps in treating haemophilic patients.*

**Segmen DNA yang mengandungi gen yang mengkodkan faktor pembekuan darah di sisipkan ke dalam DNA kambing melalui teknik DNA rekombinan.**

**Kambing tersebut kini menghasilkan susu yang mengandungi faktor pembekuan darah yang boleh dituliskan dan digunakan untuk merawat pesakit hemofilia.**

*The DNA segment containing the gene that encodes the blood clotting factor is inserted into the goat's DNA through recombinant DNA techniques.*

*The goat now produces milk that contains blood clotting factors that can be purified and used to treat hemophilic patients.*

- (b) Teknologi DNA rekombinan telah berjaya menghasilkan banyak tanaman seperti padi, nanas, jagung dan kacang soya.

*Recombinant DNA technology has successfully produced many beneficial varieties of crops such as paddy, pineapple, corn and soya bean.*

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan makanan terubah suai genetik (GMF)?

*What is meant by genetically modified food (GMF)?*

**Makanan yang mengandungi DNA daripada spesies tumbuhan atau haiwan yang lain.**

*Food that possesses DNA from other species of plant or animal.*

- (ii) Nyatakan ciri-ciri makanan terubah suai genetik.

*State the characteristics of genetically modified food.*

**1. Rintang terhadap herbisid**

*Resistance to herbicide*

**2. Rintang terhadap penyakit**

*Resistance to disease*

**3. Kegunaan dalam bidang perubatan**

*Application in medicine*

**4. Toleransi terhadap logam berat**

*Tolerance to heavy metals*

**5. Rintang terhadap serangan serangga**

*Resistance to pest*

Buku teks muka surat 281

*Textbook page 281*

- (iii) Pengambilan makanan terubah suai genetik oleh manusia berkemungkinan dapat membawa pelbagai implikasi yang masih belum diketahui terhadap kesihatan. Bincangkan kebaikan dan keburukan makanan terubah suai genetik kepada manusia.

*Consumption of genetically modified food by humans may cause health implications which are still unknown. Discuss the advantages and disadvantages of genetically modified food to humans.*

**Kebaikan**

**Makanan terubah suai genetik dapat mengatasi masalah bekalan makanan dunia melalui penghasilan makanan dan ternakan transgenik yang berkualiti tinggi.**

**Kos penghasilan makanan akan menjadi lebih rendah.**

**Meningkatkan kandungan nutrisi makanan.**

**Mengurangkan penggunaan pestisid.**

**Hasil yang banyak menyebabkan harga makanan lebih murah dan mudah didapati.**

**Keburukan**

**Spesies semula jadi akan terancam.**

**Terdapat kemungkinan kecil untuk gen yang dimasukkan ke dalam GMF dipindahkan kepada manusia contohnya gen rintang antibiotik.**

**Kesihatan manusia mungkin terjejas dan kandungan genetik manusia mungkin terjejas.**

*Advantages*

*Overcome worldwide food shortage by producing high quality transgenic crops and livestock*

*Reduce cost of food production.*

*Increases nutritional value of crops.*

*Reduce usage of pesticides.*

*Increase in production reduces price of food, thus increase food availability.*

*Disadvantages*

*Endangered natural species.*

*There is a slight possibility that the foreign gene in GMF may be transferred to humans, for example antibiotic-resistance gene.*

*May have adverse effects on human health and genetic material.*

Buku teks muka surat 281

*Textbook page 281*

- (iv) Terangkan kelebihan ikan 'super salmon' dan ubi kentang GMF.  
*Explain the advantages of super salmon fish and GMF potato.*

**Genom ikan 'super salmon' mempunyai gen hormon pertumbuhan daripada ikan salmon Chinook.**

**Ini menyebabkan ikan 'super salmon' membesar dengan lebih cepat dan dapat dihasilkan sepanjang tahun berbanding ikan salmon Atlantik yang asal.**

*The genome of the 'super salmon' has growth hormone genes from Chinook salmon.*

*This cause the 'super salmon' to grow faster and can be produced all year round compared to the original Atlantic salmon.*

**Genom kentang GMF mempunyai gen yang toleransi terhadap keadaan beku yang diperolehi daripada tumbuhan *Arabidopsis sp.* ini membolehkan kentang GMF tumbuh dengan baik di kawasan beriklim sejuk.**

*The GMF potato genome has genes that tolerate freezing conditions obtained from *Arabidopsis sp.**

*This allow GMF potatoes to growwell in cold climates.*

- (c) Pada masa dahulu, insulin untuk merawat pesakit kencing manis diekstrak daripada pankreas lembu atau babi. Kini, insulin dihasilkan daripada teknologi kejuruteraan genetik secara komersil. Terangkan penghasilan insulin daripada bakteria *Escherichia coli*.

*In the older days, insulin was extracted from pancreases of cattle or pigs to treat diabetes mellitus patients. Nowadays, insulin can be commercially produced by genetic engineering. Describe the production of insulin from *Escherichia coli* bacteria.*

**Gen insulin manusia dipotong menggunakan enzim pembatasan.**

**Plasmid *Escherichia coli* digunakan sebagai vektor pengklonan.**

**Plasmid *Escherichia coli* dipotong menggunakan enzim pembatasan.**

**Gen insulin manusia disisipkan ke dalam plasmid menggunakan enzim DNA ligase membentuk plasmid rekombinan.**

**Plasmid rekombinan dimasukkan ke dalam *Escherichia coli* membentuk *Escherichia coli* transgenik.**

***Escherichia coli* transgenik membiak dengan banyak membentuk klon.**

**Klon-klon *Escherichia coli* menghasilkan insulin di dalam sel.  
Insulin diekstrak daripada *Escherichia coli* dan dituliskan.**

*Human insulin gene is cut with restriction enzymes.*

*Plasmid of *Escherichia coli* is used as cloning vector.*

*The plasmid is cut with restriction enzymes.*

*Human insulin gene is inserted into the plasmid by using DNA ligase enzyme to form recombinant plasmid.*

*The recombinant plasmid is introduced into the *Escherichia coli* to form *Escherichia coli* transgenic.*

*Bacterial clone multiplies and produces insulin.*

*Insulin is extracted from the transgenic bacteria and purified.*

Buku teks muka surat 283

*Textbook page 283*

- (d) Cadangkan mengapa penggunaan insulin yang dihasilkan melalui kejuruteraan genetik lebih baik berbanding insulin yang diperolehi daripada pankreas haiwan.  
*Suggest why the use of insulin produced through genetic engineering is better than insulin obtained from the pancreas of animals.*

**Insulin haiwan adalah tidak sama dengan insulin manusia.**

**Ini menjadikan penggunaan insulin haiwan tidak begitu efisien dalam merawat pesakit diabetes melitus.**

**Ia juga boleh menyebabkan alergi kepada individu-individu tertentu.**

*Animal insulin is not the same as human insulin.*

*This makes the use of animal insulin not very efficient in treating patients with diabetes mellitus.*

*It can also cause allergies to certain individuals.*

**SK 28.2 BIOTEKNOLOGI**  
**CS 28.2 BIOTECHNOLOGY**

**SP 28.2.1 Menghuraikan maksud bioteknologi**  
**SP 28.2.1 Explain the meaning of biotechnology**

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan bioteknologi?  
*What is meant by biotechnology ?*

**Bioteknologi merupakan suatu bidang yang menggunakan teknologi atau kaedah untuk memanipulasikan organisma bagi tujuan menghasilkan atau mengubah suai hasil sesuatu produk biologi.**

*Biotechnology is a field which utilises technology or method to manipulate organisms for the production of biological products.*

- (ii) Apakah 4 aktiviti utama dalam bioteknologi ?  
*What are the 4 main activities in biotechnology ?*

1. **Bioteknologi hijau / Green biotechnology**
2. **Bioteknologi putih / White biotechnology**
3. **Bioteknologi kuning / Yellow biotechnology**
4. **Bioteknologi biru / Blue biotechnology**

- (iii) Apakah yang dimaksudkan dengan bioteknologi biru ?  
*What is meant by blue biotechnology ?*

**Bioteknologi biru ialah aplikasi sains dan teknologi kepada organisma akuatik untuk penghasilan pengetahuan, barangan dan perkhidmatan**

*Blue biotechnology is the application of science and technology to living aquatic organisms for the production of knowledge, goods and services*

- (iv) Berikan satu contoh aktiviti dalam bioteknologi putih.  
*Gives one example of activity in white biotechnology.*

**Penghasilan bioetanol daripada tebu oleh mikroorganisma.**  
*Bioethanol production from sugarcane by microorganisms.*

**SP 28.2.2 Memerihalkan aplikasi bioteknologi dalam kehidupan**  
**SP 28.2.2 Describe applications of biotechnology in life**

- 1 (a) (i) Ashanti DeSilva merupakan pesakit pertama yang menerima rawatan terapi gen bagi mengubati penyakit ADA-SCID. Terangkan bagaimana terapi gen dijalankan .  
*The first successful gene therapy was performed on Ashanti Desilva, a patient with ADA-SCID. Describe how therapy gene is done.*  
**Gen yang normal disisipkan ke dalam DNA pesakit menggunakan virus bagi menggantikan gen yang abnormal.**  
**Sel tersebut kini boleh menjalankan fungsi yang normal.**  
*The normal gene is inserted into the patient DNA using a virus to replace the abnormal gene.*  
*The cell can now performs normal functions.*
- (ii) Nyatakan penyakit-penyakit yang boleh dirawat dengan terapi gen.  
*State the diseases that can be cured by gene therapy.*  
  1. **Sistik fibrosis / Cystic fibrosis**
  2. **Distrofi otot / Muscular dystrophy**
  3. **Kanser / Cancer**
- (b) (i) Dua orang lelaki mendakwa bahawa mereka adalah bapa kandung kepada kanak-kanak M. Apakah teknik yang boleh digunakan untuk mengesahkan dakwaan tersebut?  
*Two men claim that they are the biological father of child M. What techniques can be used to verify the claim?*  
**Pemprofilan DNA / DNA profiling**
- (ii) Terangkan teknik yang dinyatakan di (b)(i).  
*Describe the techique stated in (b)(i).?*  
**Sampel darah diambil dari kanak-kanak M dan kedua-dua lelaki tersebut. DNA diekstrak daripada sampel.**  
**Enzim pembatasan memotong DNA kepada fragmen DNA yang berlainan saiz.**  
**Sampel yang mengandungi fragmen DNA berlainan saiz dipisahkan melalui elektroforesis gel.**  
**Fragmen DNA yang berlainan saiz dipindahkan daripada gel ke membran nilon.**  
**Prob radioaktif ditambah kepada membran nilon.**  
**Filem X-ray kemudiannya diletakkan di atas membran nilon.**  
**Filem X-ray diproses dan kedudukan jalur DNA yang membentuk profil DNA akan dihasilkan.**  
*Blood sample is obtained from child M and the two men.*  
*DNA is extracted from the sample.*  
*Restriction enzymes cut the DNA into different sizes of DNA fragments.*  
*The DNA fragments of different sizes are then separated by gel electrophoresis.*  
*DNA fragments of different sizes are transferred from the gel to a nylon membrane.*  
*Radiaactive probes are added to the nylon membrane.*  
*X-ray film is then placed on top of the nylon membrane.*  
*X-ray film is processed to show the positions of DNA band that form the DNA profile.*

- (iii) Namakan **dua** tisu atau bendalir badan di mana sampel DNA boleh diekstrak untuk digunakan dalam teknik yang dinyatakan dalam (b)(i).  
*Name **two** tissues or body fluids from which DNA samples can be extracted for the use in the technique stated in (b)(i).*

1. **Darah / Blood**
2. **Kulit / Skin**

- (iv) Selain daripada kes yang dinyatakan di (b)(i), nyatakan kegunaan lain bagi teknik tersebut.  
*Apart from the case mentioned in (b)(i), state other uses of the technique.*

1. **Mengenal pasti penjenayah**  
*Identify criminal*
2. **Mengesan penyakit genetik**  
*Identify genetic disease*
3. **Menguji keserasaian penderma organ dengan penerima**  
*Determine suitability of organ donor recipient*

Buku teks muka surat 286  
*Textbook page 286*

- 2 (a) (i) Kapas Bt adalah satu contoh organisma terubah suai genetik (GMO). Terangkan kebaikan penggunaan baka kapas Bt di ladang-ladang kapas.  
*Bt cotton is an example of a genetically modified organism (GMO). Explain the benefits of using Bt cotton breed in cotton fields.*

**Kapas Bt mempunyai toleransi kepada ulat perosak kapas. Ini akan mengurangkan penggunaan racun perosak di ladang-ladang kapas.**

*Bt cotton have the resistant to pest.*

*This will have reduced the use of pesticides in cotton farms.*

- (ii) Selain kapas Bt, terdapat juga tumbuhan Bt lain seperti jagung Bt dan terung Bt. Terangkan bagaimana tumbuhan Bt dilindungi dari serangga perosak.  
*In addition to Bt cotton, there are also other Bt plants such as BT corn and Bt brinjal. Explain how Bt plants are protected from pests.*

**Gen yang menghasilkan toksin Bt daripada bakteria *Bacillus thuringiensis* di sisipkan ke dalam genom tumbuhan.**

**Tumbuhan tersebut akan menghasilkan toksin Bt.**

**Serangga perosak yang makan tumbuhan tersebut akan mati kerana toksin Bt mengganggu sistem pencernaan serangga perosak tersebut.**

*The gene that produces the Bt toxin from bacterium *Bacillus thuringiensis* is inserted into the plant's genome.*

*The plant will produce Bt toxin.*

*Pets that eat the plant will die because the Bt toxin interferes with the pest's digestive system.*

- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan bioremediasi?  
*What is meant by bioremediation?*

**Bioremediasi merupakan satu kaedah untuk membersihkan bahan cemar dengan menggunakan bakteria.**

*Bioremediation is a method which uses bacteria to clean up environmental pollutants.*

- (ii) Terangkan mengapa tumpahan minyak di lautan dapat dirawat menggunakan teknik yang dinyatakan di (b)(i).  
*Explain why oil spillage in the ocean can be treated by using the technique stated in (b)(i).?*

**Tumpahan minyak di lautan dapat dirawat dengan menggunakan bakteria yang mendapatkan tenaga dengan mengurai molekul-molekul di dalam minyak mentah.**

*Oil spills in the ocean can be treated using bacteria that obtain energy by breaking down molecules in crude oil.*

- (iii) Namakan **bakteria** yang digunakan dalam merawat masalah pencemaran yang dinyatakan dalam (b)(ii).  
*Name the **bacteria** used in treating the pollution problem mentioned in (b)(ii).*

***Alcanivorax borkumensis***

**SP 28.2.2 Mewajarkan kepentingan bioteknologi dalam kehidupan**  
**SP 28.2.2 Justify the importance of biotechnology in life**

- 1 (a) (i) Bidang bioteknologi telah berkembang pesat terutamanya di negara-negara sedang membangun dan negara-negara maju. Wajarkan penggunaan bioteknologi di dalam bidang pertanian di Malaysia.  
*The field of biotechnology has grown rapidly, especially in developing and developed countries. Justify the use of biotechnology in agriculture in Malaysia.*

**Wajar. Ini kerana bioteknologi telah banyak memberikan sumbangan dalam bidang pertanian seperti penghasilan baka ternakan dan tanaman yang lebih baik.**

**Bioteknologi juga telah berjaya menghasilkan baka padi yang mengeluarkan hasil yang banyak dan cepat matang.**

**Kaedah kultur tisu dan teknik pengklonan telah membolehkan pembiakan tanaman dilakukan dengan lebih cepat.**

**Pengklonan haiwan membolehkan pembiakan secara besar-besaran dan menghasilkan haiwan-haiwan yang mempunyai daya tahan penyakit.**

**Penggunaan hormon juga membolehkan haiwan cepat membesar dan matang.**

**Produk pertanian dapat dihasilkan dengan lebih banyak dan cepat.**

*It's reasonable. This is because biotechnology has contributed a lot in the field of agriculture such as the production of better breeds of livestock and crops.*

*Biotechnology has succeeded in producing paddy breeds that give more yield and mature quickly.*

*Tissue culture methods and cloning technique have expedited plant reproduction.*

*Animal cloning enables mass reproduction and produces disease-resistant clones.*

*The use of hormones expedites animal growth and maturity.*

*Agricultural products can be produced more and faster.*

- (ii) Bincangkan sumbangan bioteknologi kepada manusia dalam bidang perubatan, forensik dan alam sekitar.  
*Discuss the contributions of biotechnology to humans in the fields of medicine, forensics and the environment.*

**Perubatan / Medicine**

**Genetik seseorang dapat diubahsuai.**

**Mengurangkan risiko penyakit mental.**

**Mengelakkan penyakit tertentu seperti kansel/penyakit perwarisan.**

**Genetik manusia kerdil dapat melahirkan manusia yang normal.**

**Membantu ibu-ibu yang sukar hamil untuk memperoleh zuriat.**

*Can modify the genetic contents of an individual.*

*Reduce risk of mental disease.*

*Prevent specific disease such cancer/inherited diseases.*

*Human with dwarf genetics can have normal children.*

*Assist mothers with difficulty to conceive.*

**Forensik / Forensic**

**Dapat mengenalpasti penjenayah melalui tisu/ bendalir badan/ kulit/ folikel rambut.**

*Can identify criminal based on tissue/body fluid/skin/ hair follicle.*

**Alam sekitar / environment**

**Mikrob mampu mempercepat pereputan bahan buangan manusia.**

**Mikrob mampu mengurai najis sepenuhnya.**

**Pencemaran dapat dikurangkan dan manusia serta alam sekitar terpelihara.**

*Microbes can expedite decay of waste products created by humans.*

*Microbes can degrade faeces completely.*

*Reduce pollution to protect humans and the environment.*

Buku teks muka surat 289

*Textbook page 289*